

23 OCT 1996

Mohamed-Tapis

KABINET ARAH GARIS PANDUAN PENAPISAN BAHAN PENYIARAN DIKEMASKINI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Kabinet mengarahkan Kementerian Penerangan dan Kementerian Dalam Negeri mengemaskinikan garis panduan penapisan bahan penyiaran dan jika perlu satu garis panduan baru hendaklah digubal khususnya televisyen kabel dan satelit.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata Kabinet yang mengadakan mesyuarat minggunya hari ini, menyedari akan masalah penapisan bahan-bahan itu yang pada masa ini semakin rumit dengan adanya siaran televisyen kabel dan satelit.

"Yang lebih merumitkan lagi ialah adanya perkhidmatan waktu sebenar yang memerlukan satu pendekatan baru bagi penapisan bahan-bahan siaran," katanya kepada pemberita di sini.

Mohamed berkata Kabinet juga mengarahkan supaya kedua-dua kementerian itu melatih kakitangan stesen-stesen siaran perkhidmatan waktu sebenar itu tentang bentuk penapisan yang ditetapkan oleh garis panduan yang dikemaskinikan itu.

Sungguhpun negara ini mempunyai Lembaga Penapisan Filem (LPF) tetapi dengan wujudnya televisyen kabel dan satelit itu masa untuk penapisan itu semakin suntuk lagi, katanya.

Mohamed berkata jumlah tenaga yang ada di LPF mungkin tidak termampu untuk mengendalikan urusan penapisan itu.

Katanya, bagi stesen televisyen yang mempunyai jadual penyiaran programnya lebih awal lagi, mungkin penapisan bahan penyiarannya dapat dilakukan dengan lebih mudah.

"Bagi perkhidmatan televisyen satelit yang menyiarkan perkhidmatannya secara waktu sebenar, ia agak sukar untuk urusan penapisan," katanya.

Sehubungan dengan itu Kabinet telah memutuskan bahawa bagi keperluan televisyen satelit, kerajaan membenarkan tuan punya stesen itu mengendalikan urusan penapisan oleh kakitangan mereka sendiri.

Penapisan filem yang perlu dilakukan mereka itu mestilah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Kini kita memang sudah ada garis panduan tetapi ia perlu dikemaskinikan supaya perkara negatif terutama adegan yang bertentangan dengan budaya kita dapat dikurangkan atau dihapuskan," katanya.

Garis panduan sekarang yang diperkenalkan tiga tahun lepas memberi penekanan kepada aspek gerun, ganas, seks dan penentangan budaya.

Mohamed berkata Ketua-ketua Setiausaha kedua-dua kementerian akan mengadakan perbincangan secepat mungkin untuk mengemaskinikan garis panduan dan bidang latihan penapisan bagi stesen televisyen satelit.

Garis panduan yang kemaskini atau yang baru akan siap selewat-lewatnya akhir tahun ini dan digunapakai awal tahun depan, katanya.

Beliau berkata mana-mana stesen yang tidak mematuhi garis panduan itu akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Pindaan Akta Penyiaran yang diluluskan oleh Dewan Rakyat minggu lepas, mempunyai peruntukan memberi kuasa kepada Menteri Penerangan untuk mengenakan kompaun, denda, gantung perkhidmatan atau menarik lesen mana-mana stesen penyiaran yang didapati melanggar akta itu," katanya.

Mohamed berkata Radio Dan Televisyen Malaysia (RTM) kini membesarkan lagi Unit Kawalselia Penyiaran untuk mengawasi semua program yang disiarkan oleh stesen-stesen penyiaran di negara ini.

"Unit itu kini mempunyai alat dan kelengkapan yang terkini yang dapat merakamkan semua program yang disiarkan dan jika didapati ada yang tidak

mematuhi garis panduan, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan sebagai "ketua penguatkuasa" boleh bertindak," katanya.

Mohamed menegaskan bahawa penapisan itu memang perlu walaupun kerajaan faham perlunya maklumat dan pendidikan bagi orang ramai.

"Selagi kita boleh kawal, kita kawal semoga kita dapat menentukan yang baik dapat kita sebarkan kepada rakyat jelata," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan Pusat Operasi TV3 di Sri Pentas semalam berkata stesen televisyen negara hendaklah lebih bertanggungjawab menyiarkan program masing-masing dengan mementingkan nilai akhlak dan menolak unsur negatif serta menyentuh sensitiviti rakyat. -- BERNAMA

SJA NMO